

Golongan gila kuasa dibidas

11 JUN 1983
KUALA TERENGGANU, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan kegiatan golongan dalam sebuah parti politik yang mencari perlindungan dari sistem demokrasi dan pilihanraya untuk merebut kuasa, dengan menimbulkan berbagai isu untuk memecah-belah umat Islam di negara ini.

Katanya, golongan ini secara jelas memeralatkan agama Islam, ayat-ayat al-Quran dan hadis, tanpa mengira sama ada ia betul atau tidak, untuk mempengaruhi rakyat supaya menyokong mereka bagi mencapai matlamat itu.

Menurutnya, kegiatan golongan ini semakin lama semakin buruk, kerana tamakkan kuasa dan kedudukan baik, sehingga mereka bertindak menyingkirkan pemimpin lama mereka dalam parti, kerana tidak sabar menunggu kuasa itu sampai ke tangan mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir kesat kerana golongan itu hanya muncul selepas negara mencapai kemerdekaan dan orang Melayu sudah mempunyai peluang dan kuasa untuk berjuang mempertingkatkan kebolehan mereka dalam berbagai bidang, termasuk pelajaran dan ekonomi.

Kecadaan ini, jelas beliau mengakibatkan umat Islam di negara ini terpaksa menghabiskan sebahagian dari masanya untuk mengatasi pecah belah yang ditimbulkan oleh golongan yang tamak kuasa dan kedudukan.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kuala Terengganu di sini hari ini.

Hadir sama ialah Datin Seri Siti Hasmah, Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Pertanian, Datuk Manan Osman, Datuk Haji Zakaria Abdul Rahman dan Datuk Bakar Daud, yang juga ketua Umno Bahagian berkenaan.

Kepentingan

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan sikap tamak kuasa dan kesenangan itu, jelas dapat dilihat apabila golongan itu kini menumpukan sepenuh tenaga mereka untuk merebut kuasa dan memerintah negeri Terengganu.

Jelas beliau, golongan ini tahu sekiranya mereka berjaya menguasai Terengganu, mereka boleh buat apa sahaja, untuk memenuhi kepentingan mereka.

"Kalau hasil dari perjuangan mereka ini menimbulkan pecah belah di kalangan umat Islam, itu tidak penting bagi mereka. Yang penting ialah mereka mendapat kuasa dan tempat. Mereka juga tidak mengira sama ada ayat al-Quran dan hadis yang mereka gunakan betul atau tidak, selagi mereka dapat mempengaruhi rakyat untuk menyokong mereka," tambah beliau.

Menurut Perdana Menteri, golongan seperti itu, tidak wujud pada zaman penjajahan dahulu kerana mereka sendiri tahu, ketika itu mereka tidak mempunyai peluang

untuk mendapat apa-apa.

Tapi, jelas beliau, golongan ini hanya muncul bila negara sudah mencapai kemerdekaan dan terdapatnya sistem demokrasi dan pilihanraya, yang membuka peluang kepada mereka mendapatkan kuasa dan tempat yang baik di negara ini.

"Sungguh malang, ketika mempunyai kuasa politik ini, kita terpaksa mengalihkan tenaga dan fikiran kita untuk melawan musuh-musuh di kalangan kita sendiri dan memesong matlamat kita itu.

"Kalau kita mencapai kejayaan hari ini pun, mungkin hanya sebahagian sahaja. Sebaliknya sebahagian besar tidak dapat kita capai kerana kita terpaksa memberi perhatian kepada rebutan kuasa yang dibangkitkan oleh golongan berkenaan, memandangkan negeri Terengganu telah menjadi sasaran utama golongan dalam parti politik, yang kononnya berjuang untuk Islam," kata beliau.

Perdana Menteri menasihatkan ahli-ahli Umno di negeri ini supaya bersatu dan mengeneapkan juga masalah atau perbezaan politik yang ada di kalangan mereka.

Katanya, teladan telah dapat dilihat di negeri Kelantan, ketika negeri ini diperintah oleh parti politik berkenaan, sebahagian darinya telah dijual oleh pemimpin parti yang melaungkan, kononnya parti itu berjuang untuk orang Melayu dan agama Islam.

"Kalau Negeri Terengganu dapat mereka jual, apa lagi dengan negeri lain," jelas Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyentuh tentang perjuangan rakyat Palestin dan melahirkan rasa sedihnya kerana berlaku perpecahan di kalangan pejuang Palestin — cabaran dari kalangan mereka sendiri terhadap kepemimpinan pemimpin PLO, Enclik Yasir Arafat.